

19 APR 2000

MAHATHIR-EURO/I

MAHATHIR HARAP EURO TEGUH, KATA DUTA EU

PUTRAJAYA, 19 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap matawang euro yang teguh pada masa depan akan menyumbang kepada perubahan sistem kewangan antarabangsa, kata Duta Kesatuan Eropah (EU) Michel Caillouet.

Beliau berkata perdana menteri amat positif terhadap masa depan euro dan sumbangannya kepada kestabilan sistem kewangan.

"Euro kini merupakan satu realiti dan perdana menteri mengakui peranan penting yang boleh dimainkannya dalam reformasi yang beliau utarakan," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Dr Mahathir di pejabat beliau di sini hari ini.

Caillouet yang ditempatkan di Bangkok dan mengawasi hal ehwal EU di Kampuchea, Laos, Malaysia, Myanmar dan Thailand, akan menamatkan tugas empat tahun beliau tidak lama lagi.

Beliau berkata euro mempunyai potensi besar kerana EU merangkumi 20 peratus perdagangan dunia dan asas-asasnya adalah amat kukuh, dan ia dijangka tumbuh empat peratus tahun depan.

"Dari 1 Jan 2002, matawang nasional tidak lagi wujud. Perdana menteri gembira dengan kemunculan euro dan berharap akan melihat euro yang teguh suatu hari nanti," katanya.

Caillouet berkata mereka juga membincangkan cara-cara untuk memperkuat hubungan antara Malaysia dan EU, khususnya perdagangan dan pertukaran program-program akademik.

Mereka juga membincangkan langkah-langkah untuk memperkukuhkan akses pasaran.

Beliau berkata Malaysia mempunyai lebih dagangan lima bilion euro tahun lepas dan mencatat kenaikan 20 peratus dalam eksport ke EU.

Mengenai mesyuarat peringkat menteri tahunan Asean-EU yang dibekukan sejak 1997 kerana keengganan EU untuk melibatkan Myanmar, Caillouet berkata, ada kemungkinan mesyuarat itu akan diteruskan tahun ini.

"Kami tidak menukar dasar kami terhadap Myanmar tetapi adalah penting untuk menggerakkan lebih banyak aktiviti antara EU dan Asean. Hubungan adalah amat penting kerana terdapat potensi yang besar di Asean," tambahnya.

Satu mesyuarat pegawai kanan EU-Asean dijangka akan diadakan di Portugal Jun ini. -- BERNAMA

AR JR